

Yusuf al-Qaradawi dan Sumbangan Pemikirannya

Yusuf al-Qaradawi and Contribution of His Thoughts

Zulkifli Hasan

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel: + 606-7988407 E-mel: zul361977@yahoo.com

Abstrak

Yusuf al-Qaradawi merupakan salah seorang sarjana Islam yang amat berpengaruh dan terulung dalam zaman ini. Beliau terkenal dengan pandangan kesederhanaan dari kacamata mereka yang mengikuti sumbangan pemikirannya dan dianggap sebagai sarjana Islam yang kontroversial oleh lawannya. Beliau juga merupakan sarjana yang syumul, pemimpin yang intelektual, aktivis sosial, Muslim yang beriltizam, penulis prolific, aktivis Islam dan bekas ahli pergerakan Muslim Brotherhood. Memandangkan kepentingan pemikiran intelektual beliau kepada masyarakat awam terutamanya kepada Muslim seluruh dunia termasuk Malaysia, analisa pengaruh Yusuf al-Qaradawi dan sumbangannya dapat menawarkan satu wacana yang menarik lagi mendalam. Dalam menganalisa pemikiran intelektual dan sumbangan Yusuf al-Qaradawi, maka artikel ini membincangkan konsep pembaharuan-semula atau tajdid, intelektual awam, metod mempromosi ide, rangka-kerja pemikiran intelektual Yusuf al-Qaradawi dan penginstitutasian ide dan pemikirannya.

Katakunci: Yusuf al-Qaradawi; Pemikiran; Sumbangan

Abstract

Yusuf al-Qaradawi is one of the most influential and preminent Muslim scholars in this contemporary time. He is known for his moderate views by his proponents and considered as a highly controversial Muslim scholar by his opponents. He is a well rounded scholar, as an intellectual leader, social

activist, committed Muslim, prolific writer, Islamic activist and ex-member of the Muslim Brotherhood movement. Considering the significance of his intellectual thought to the general public, particularly Muslims all over the world including Malaysia, an analysis of Yusuf al-Qaradawi's influence and his contribution therefore offers an interesting and thoughtful discourse. In analysing Yusuf al-Qaradawi's intellectual thought and his contribution, this article discusses the concepts of renewal or tajdid, public intellectual, method of promoting the ideas, framework of Yusuf al-Qaradawi's intellectual thought and institutionalization of his ideas and thought.

Keywords: Yusuf al-Qaradawi; Thoughts; Contribution

Pengenalan

Di dalam dunia kontemporari ini diiringi dengan gelombang kebangkitan Islam di seluruh dunia, membaca karya-karya Yusuf al-Qaradawi merupakan satu tuntutan intelektual. Kehebatan dan keikhlasan pemikiran beliau dapat ditelusuri dan dirasai pada setiap penulisannya. Setelah membaca buku terkini beliau *'Thaurah Sha'ab'* atau 'kebangkitan Rakyat' dalam kedua-dua versi Bahasa Arab dan terjemahannya, ia seumpama melengkapkan bukti dan fakta betapa Yusuf al-Qaradawi boleh digelar sebagai *'mujaddid'* dan 'ulama rakyat'.

Menulis mengenai seorang pemikir dan sarjana besar seperti Yusuf al-Qaradawi merupakan satu tugas yang berat dan amat mencabar. Sesuai dengan bidang kebitaraan, penulis tidak akan cuba untuk mengkaji pemikiran dan sumbangan

Yusuf al-Qaradawi dari segenap sudut secara terperinci memandangkan betapa besarnya pengaruh pemikiran beliau dalam pelbagai aspek kehidupan kepada masyarakat dan umat.

Setakat ini terdapat beberapa buah buku dan makalah yang mengkaji pemikiran Yusuf al-Qaradawi. Antara buku yang menyentuh pemikiran Yusuf al-Qaradawi ialah Ahmad Assal bertajuk *Yusuf al-Qaradawi Wa Masirah Khamsin Amman fi Da'wah Ila Allah*, Muhammad Majdhub, *Ulama wa Mufakirun Araftuhum, Isam Talimah, Al-Qaradawi Faqihan* termasuk beberapa kertas kerja oleh Abdul Mueim Abu al Futuh bertajuk *al-Qaradawi nazir al-Madrasah al Ikhwaniah* dan Salahuddin (2007), *Al-Takwin al-Ilmi wa Al-Fikri li Qaradawi*. Walaupun pengaruh Yusuf al-Qaradawi adalah signifikan kepada umat Islam di Malaysia, namun kajian mengenai pemikiran dan sumbangan Yusuf al-Qaradawi adalah masih terhad dan tidak menyeluruh. Terdapat beberapa kajian di peringkat Doktor Falsafah termasuk kajian individu mengenai Yusuf al-Qaradawi yang di antaranya ialah *Pemikiran Yusuf al-Qaradawi dan Pengaruhnya di Malaysia* oleh Mohd Rumaizuddin Ghazali, *Pengaruh Pemikiran Yusuf al-Qaradawi dalam pentadbiran Zakat di Negeri Selangor* oleh Nasrul Hisyam (2004) dan *Pemikiran Kerohanian Yusuf al-Qaradawi* oleh Muhammad Kamil Abdul Majid. Fakta ini menunjukkan bahawa hanya terdapat sedikit karya yang mengkaji dan menganalisa pemikiran Yusuf al-Qaradawi khususnya di Malaysia.

Berdasarkan fakta di atas, artikel ini akan membicarakan sumbangan Yusuf al-Qaradawi dan pemikirannya dengan mengambil kira pendekatan dan kerangka ideanya melalui penelitian terhadap penulisan dan syarahannya. Perbincangan dan diskusi ilmiah mengenai pemikiran dan sumbangan Yusuf al-Qaradawi sebagai antara ulama paling berpengaruh di dunia ini perlu diperbanyak dan diperhebatkan. Ini memandangkan betapa signifikan dan pentingnya pemikiran beliau yang amat bersesuaian dengan peredaran zaman dan dalam konteks semasa. Pemikiran beliau ini

adalah amat signifikan kerana ia merangkumi pelbagai aspek kehidupan, mengakar di segenap lapisan masyarakat dan merentasi zaman. Justeru, kertas ini memfokuskan perbincangan mengenai pemikiran Yusuf al-Qaradawi sebagai *mujaddid* kontemporari dan sumbangannya secara umum di dunia Islam.

Metodologi

Penulis menggunakan kualitatif metodologi bagi mengkaji sumbangan pemikiran Yusuf al-Qaradawi. Secara umumnya, sumbangan pemikiran Yusuf al-Qaradawi ini dinilai dan dianalisa melalui buku-buku, artikel-artikel, syarahan, khutbah dan kuliah beliau. Selain daripada itu, penulis juga merujuk penulisan-penulisan lepas yang mengkaji pemikiran, sumbangan, pengaruh dan idea Yusuf al-Qaradawi. Artikel ini secara ringkas menggunakan analisis diskusi dalam menganalisa dan mengkaji sumbangan pemikiran Yusuf al-Qaradawi. Di samping beberapa limitasi dari aspek metodologi dalam artikel ini, penulis berkeyakinan bahawa dapatan dan analisa yang terkandung dalam penulisan ini boleh dijadikan sebagai salah satu sumbangan akademik dan rujukan dalam menilai pemikiran dan pengaruh serta idea Yusuf al-Qaradawi (Al-Qaradawi, 1992a; 1992b; 1996a; 1996b).

Latarbelakang Kehidupan Yusuf Al-Qaradawi

Sebelum menilai dan menganalisa pemikiran dan sumbangan Yusuf al-Qaradawi, adalah penting untuk mengetahui dan menelusuri latarbelakang kehidupan beliau. Penulis akan membicarakan secara ringkas latarbelakang keluarga dan beberapa cabaran kehidupan, kecemerlangan dan bakat, ulama rakyat, ilmuwan hebat, tokoh pendakwah dan pengiktirafan dunia.

Keluarga dan Cabaran Kehidupan

Yusuf al-Qaradawi merupakan seorang pemikir, sarjana dan intelek kontemporari

yang mempunyai kehidupan sederhana. Beliau merupakan seorang anak kampung dilahirkan di desa Shafat al-Turab, Mahallah al-Kubra Negeri Gharbiah, Mesir pada 9 September 1926. Yusuf al-Qaradawi berasal daripada keluarga yang sederhana di mana ayahandanya bekerja sebagai petani dan keluarga ibunya bekerja sebagai peniaga. Ketika berusia dua tahun beliau telah kehilangan ayahandanya dan diikuti oleh bondanya ketika beliau berusia 15 tahun. Beliau dipelihara oleh bapa saudaranya Ahmad (Ghazali, 2012).

Yusuf al-Qaradawi melalui pelbagai cabaran di dalam kehidupannya sejak kecil. Kehilangan ayahandanya sejak berumur dua tahun dan bondanya ketika berumur 15 tahun sudah pasti memberikan kesan yang mendalam kepada dirinya (Al-Qaradawi, 2010a; 2010b). Beliau tidak menikmati kehidupan yang mewah. Suasana keluarganya bersama-sama bapa saudaranya yang mendidik beliau dengan didikan agama termasuk *biah* kampungnya yang mementingkan ilmu dan amalan agama berjaya membentuk peribadi dan aspirasi Islam dalam diri beliau.

Kecemerlangan dan Bakat

Yusuf al-Qaradawi mendapat pendidikan awal di kuttab (pendidikan agama) sejak berumur lima tahun dan Madrasah Ilzamiyyah ketika tujuh tahun. Sebelum usianya 10 tahun, beliau berjaya menghafal Al-Quran sepenuhnya termasuk menghafal kitab *al-Tuhfat* serta menguasai ilmu tajwid (Ghazali, 2012). Oleh kerana keluarbiasaan kebolehan dan bakat, beliau digelar sebagai 'Sheikh Yusuf' ketika berumur 10 tahun lagi dan dilantik menjadi imam. Beliau kemudian menyambung pengajiannya di Maahad Rendah Tanta (*Madrasah Ibtid'aiyyah*) selama empat tahun dan di Madrasah Thanawiyyah selama lima tahun.

Semenjak kecil Yusuf al-Qaradawi sangat bercita-cita untuk menuntut di Universiti al-Azhar dan cita-citanya telah tercapai apabila

beliau melanjutkan pengajian di Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar pada 1952-1953 dan terpilih sebagai pelajar terbaik keseluruhan. Beliau kemudiannya mengambil pengkhususan di Fakulti Bahasa Arab dan memperolehi ijazah Sarjana dan Diploma Pendidikan dengan pangkat kelas pertama. Beliau juga memperolehi Diploma Bahasa Arab dan Sastera daripada Akademi Kajian Bahasa Arab Tinggi. Pada 1960, beliau telah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Tinggi di Fakulti Usuluddin di dalam bidang tafsir dan hadith. Oleh kerana keadaan politik Mesir yang cukup gawat beberapa tahun, beliau terpaksa menangguhkan pengajian Ph.D selama 13 tahun dan akhirnya pada 1973, beliau berjaya memperolehi ijazah Doktor Falsafah dengan kepujian melalui tesisnya yang bertajuk *Fiqh al-Zakat*. *Fiqh al-Zakah* atau ensiklopedia zakat ini dianggap sebagai sumbangan terpenting dalam aspek zakat pada abad ini (Muhammad Kamil, 2011; Ghazali, 2012).

Ulama Rakyat dan 'Public Intellectual'

Yusuf al-Qaradawi merupakan ulama rakyat dan 'public intellectual' (Al-Qaradawi, 1994). Edward Said seorang pemikir hebat adalah antara sarjana yang mempopularkan istilah 'public intellectual' seperti yang terkandung dalam siri syarahannya di Universiti Colombia dan buku bertajuk *'The Legacy of the Public Intellectual'* (Ned & Debjany, 2007). Setelah merenung istilah yang secara umumnya diterima oleh dunia akademik ini, penulis berpandangan bahawa istilah ini sebenarnya juga merujuk kepada terminologi yang ingin penulis ketengahkan di sini iaitu 'ulama rakyat'. Ulama rakyat ataupun apabila seorang sarjana itu mencapai makam 'public intellectual' adalah berbeza dengan sarjana atau cendekiawan biasa. Sememangnya terdapat ramai ilmunan, cendekiawan, sarjana yang mahir dan pakar dalam disiplin ilmu tertentu tetapi perkara ini belum tentu melayakkan mereka digelar sebagai ulama rakyat atau 'public intellectual'. Dalam membezakan antara ulama rakyat dan ulama biasa ini, penulis tertarik dengan

tulisan Jacoby (2008) bertajuk '*Big Brains, Small Impact*'. Seorang sarjana walaupun sehebat mana tidak layak digelar ulama rakyat sekiranya pandangan dan pemikirannya hanya digunakan untuk meraikan pemimpin atau segolongan pihak sahaja. Mereka ini lebih layak digelar sebagai ulama upahan. Seorang ulama rakyat akan memastikan pemikirannya dapat dimanfaatkan seluas-luasnya kepada khalayak umum. Pada penulis seorang ulama rakyat yang hebat haruslah mempunyai ciri-ciri '*Big Brains, High Impact*'. Ulama rakyat akan mendedikasikan kehidupan dan kemampuan intelektualnya untuk masyarakat. Ulama rakyat akan sentiasa berdampingan dengan rakyat, berdiskusi, berdialog, berbicara, bergaul dengan segenap lapisan masyarakat serta sentiasa berusaha untuk menyelesaikan permasalahan umat. Ulama rakyat akan memastikan karyanya atau hasil intelektualnya dapat dimanfaatkan masyarakat. Ulama rakyat tidak akan tergoda dan akur dengan tawaran yang hanya akan merugikan kemaslahatan masyarakat.

Sebagai 'public intellectual', Yusuf al-Qaradawi menghabiskan banyak waktunya berdamping dengan masyarakat. Memberikan kuliah dan khutbah di masjid, menjadi imam, menjadi pengetua Maahad Agama dan pengasas kuliah pendidikan dan pengajian Islam di universiti. Beliau memberikan sumbangan dalam menentukan isi kandungan dan sukatan pengajian pendidikan di Qatar. Yusuf al-Qaradawi juga terlibat dalam pelbagai aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan. Kesibukan dan pengorbanan beliau menyumbang kepada masyarakat menjadikan Yusuf al-Qaradawi sentiasa dihormati dan dihargai oleh sebahagian besar umat Islam di seluruh pelusuk dunia. Oleh itu tidaklah menjadi kehairanan apabila beliau telah dipilih untuk mengimamkan solat jenazah Abul A'la al-Maududi seorang lagi ulama rakyat yang dihadiri oleh lebih sejuta jemaah di Pakistan (Al-Qaradawi, 2012a).

Ilmuan Hebat

Yusuf al-Qaradawi merupakan ilmuan yang menguasai pelbagai cabang ilmu (Talimah, 2000). Hingga kini, lebih daripada 120 buah buku telah dihasilkan dalam pelbagai bidang seperti *aqidah*, sumber hukum Islam iaitu Al-Quran dan al-Sunnah, *usul al-fiqh*, bidang ibadat, hal ehwal wanita dan kekeluargaan, kemasyarakatan, ekonomi dan kewangan, perubatan, politik dan pemerintahan walaupun beliau teramat sibuk dengan jadual harian. Diceritakan bahawa beliau selalu menghabiskan waktunya sehingga 14 jam sehari di perpustakaan rumahnya untuk menelaah dan menulis (Ghazali, 2012). Beliau bukan sahaja menghasilkan penulisan akademik yang berkualiti tinggi dan menjadi rujukan utama ilmuan tetapi menyumbangkan pelbagai makalah di dalam pelbagai majalah dan akhbar harian di peringkat antarabangsa.

Antara buku-buku tulisan beliau yang hampir kesemuanya telah diterjemah adalah *Fiqh Zakat*, *Fiqh Memahami keutamaan, Bagaimana Berinteraksi dengan al sunnah*, *Fiqh Kenegaraan*, *Harakah Islamiyyah Satu Tuntutan Kebangunan Islam di antara Tantangan dan Ekstrimisme*, *Kritik dan Saran Untuk para Da'i Pasang Surut Gerakan Islam*, *Detik-Detik masa dalam Kehidupan Muslim*, *Gejala Kafir Mengkafir*, *Di Manakah Kepincangan Umat*, *Ibadah dalam Islam*, *Membangunkan Ummah Suatu Kenyataan bukan Khayalan*, *Kebangkitan Gerakan Islam dari Masa Transisi Menuju Kematangan*, *Agama dan Politik*, *Rukun Dakwah Ikhwanul Muslimun* dan banyak lagi. Di antara kelebihan dan keunikan Yusuf al-Qaradawi berbanding ulama yang lain ialah beliau turut memasukkan elemen kesusasteraan di dalam penulisan dan karya seperti syair-syair bermutu tinggi yang sudah pasti menarik minat ramai untuk membaca karya-karya beliau.

Pendakwah dan Tokoh Gerakan

Selain daripada diiktiraf sebagai ilmuan, Yusuf al-Qaradawi juga merupakan seorang pendakwah dan tokoh gerakan yang hebat.

Keistimewaan ini membezakan beliau dengan barisan ulama lain iaitu terangkumnya ciri-ciri keilmuan dan keserjanaan dengan ruh gerakan Islam yang sehati dengannya. Beliau melibatkan diri dengan al-Ikhwan al-Muslimun sejak di peringkat sekolah menengah (Al-Qaradawi, 2010a). Beliau juga sangat komited dengan aktiviti dan inisiatif dakwah dan program televisyen beliau seperti *Nur Wa Hidayah, a-Shari'ah wa al-Hayah dan Huda al-Islam* yang mendapat sambutan jutaan umat di seluruh dunia. Beliau juga telah mengasaskan laman sesawang 'Islam Online' yang kini antara laman paling terkenal di dunia mengenai dakwah Islam. Dilaporkan bahawa beliau telah mendermakan keseluruhan hadiah anugerah Dubai pada 2001 yang diterima sebanyak sejuta dirham kepada projek 'Islam Online' ini dan Yayasan Orang Buta yang juga ditubuhkan olehnya (Ghazali, 2012).

Yusuf al-Qaradawi melalui pelbagai cabaran dan ancaman semasa hidupnya. Beliau telah dipenjarakan beberapa kali iaitu pada 1949 setelah al-Ikhwan al-Muslimun dikaitkan dengan pembunuhan Perdana Menteri Mesir, pada 1954 kerana perselisihan antara Ikhwanul Muslimin dan Dewan Revolusi pimpinan Jeneral Naguib dan pada 1956 dan kerana perselisihan antara Ikhwanul Muslimin dan Dewan Revolusi pimpinan Jeneral Jamal Abdul Nasser (Al-Qaradawi, 2010b). Beliau pernah didera dan diseksa dan kesannya dirasai sehingga hari ini yang mempengaruhi kesihatan beliau. Walaupun diancam dengan pelbagai jenis ancaman sehingga ancaman bunuh, Yusuf al-Qaradawi tetap dengan pendiriannya. Dalam satu temuramah beliau dengan al-Jazeera ketika ditanya oleh wartawan, apakah impian dalam hidupnya, beliau menjawab bahawa beliau ingin mati syahid di tangan musuh Islam (Al-Saleh, 2010).

Pengiktirafan Dunia

Yusuf al-Qaradawi mempunyai pengalaman yang luas dalam pentadbiran dan pendidikan. Antara jawatan yang pernah disandang adalah

Penyelia Hal Ehwal di Kementerian Wakaf dan Jabatan Kebudayaan Islam al-Azhar, Pengasas dan Dekan Fakulti *Shari'ah* dan Pengajian Islam, Universiti Qatar (1977-1990), Pengarah Kolej Agama, Qatar (1961-1972), Pengarah Bahagian Pengajian Islam di Fakulti Pendidikan, Qatar (1973) dan Pengarah Pusat Pengkajian *Sunnah* dan Sirah, Universiti Qatar (1991 sehingga sekarang). Sebagai ulama yang dihormati dan disegani, beliau merupakan Pengerusi Kesatuan Ulama Sedunia, ahli Majlis Rabitah al-Alam al-Islami di Mekah, ahli Lembaga Fiqah Islam di Mekah, ahli Majlis Pengajian Islam Eropah di Perancis termasuk penasihat *Shari'ah* di beberapa buah bank Islam.

Sumbangan Yusuf al-Qaradawi mendapat pengiktirafan di seluruh dunia dan ini dapat dilihat melalui pelbagai anugerah yang diterimanya seperti Anugerah Ekonomi Islam Bank Pembangunan Islam (1411H), Anugerah Antarabangsa Raja Faisal dalam bidang pengajian Islam (1413H), Anugerah Kecemerlangan Sarjana Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1996), Anugerah Sultan Hasan al-Bolkiah dalam bidang *Fiqh* (1997), Anugerah Sultan al-Uwais, Emiriyah Arab Bersatu (1999), Anugerah Antarabangsa Dubai (2000) dan Anugerah Tokoh Maal Hijrah (2009). Pengiktirafan ketokohan beliau juga diakui oleh ramai ulama dan pemikir terkemuka seperti Muhammad al-Ghazali yang juga gurunya, Abu Hasan al-Nadwi, Mustafa al-Zarqa, Tariq Basri, Taha Jabir al-Alwani, Muhammad Fathi Uthman, Ahmad al-Risuni dan Adil Hussain (Al-Qaradawi, 2012a; Ghazali, 2012).

Yusuf Al-Qaradawi Sebagai Mujaddid Kontemporari

Berdasarkan kepada ciri-ciri, kehidupan, sumbangan, pemikiran dan pengiktirafan, penulis menganggap Yusuf al-Qaradawi sebagai seorang *mujaddid* dan tokoh *tajdid* kontemporari. Seksyen ini akan menelusuri kelebihan dan keistimewaan serta kegigihan Yusuf al-Qaradawi sebagai *mujaddid* kontemporari berdasarkan sumbangan pemikiran

beliau kepada masyarakat dan umat Islam.

Konsep Tajdid dan Mujaddid

Selain dari *tajdid* terdapat juga perkataan lain yang digunakan untuk merujuk kepada pembaharuan seperti *tanmiya* (pembangunan), *nahda* (renaissance), *taghyir* (perubahan), dan *islah* (reformasi). Namun demikian, penulis memilih untuk menggunakan istilah *tajdid* dan *mujaddid* dalam artikel ini berdasarkan maknanya yang lebih tepat dan sesuai bagi merujuk kepada sumbangan pemikiran Yusuf al-Qaradawi.

Konsep *tajdid* dan *mujaddid* ini secara umumnya adalah bersandarkan kepada hadith Rasulullah (s.a.w) diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu (r.a) yang menjanjikan setiap awal kurun, Allah akan mengirinkan kepada umat Islam ini seorang *mujaddid*. Rasulullah SAW bersabda: ‘Sesungguhnya Allah akan mengutus pada umat ini setiap awal 100 tahun seorang *mujaddid* yang membarui urusan agamanya’ (Abu Dawud, 1998).

Tajdid berasal dari perkataan *jaddada yujaddidu, tajdidan* yang bermaksud telah, sedang atau akan membarui. Di dalam al-Quran, terdapat lapan kali perkataan dari kalimah ‘*jadid*’. Terjemahan *tajdid* di dalam Bahasa Ingeris ialah ‘*renewal*’. Al-Maududi (1953) mendefinisikan *tajdid* sebagai ‘the purification of Islam of all aspects of *jahiliyya* (non-Islamic practices)’ iaitu mensucikan ajaran Islam dari sebarang aspek *jahiliya* atau perkara yang tidak menepati hukum syarak. Berdasarkan kepada takrifan al-Maududi ini, *tajdid* dengan itu bukanlah bermaksud membawa ajaran baru tetapi ianya merujuk kepada usaha dan agenda untuk mensucikan dan mengembalikan ajaran Islam kepada ajaran yang sebenarnya sepertimana yang terkandung dalam al-Quran dan *al-Sunnah*. Selaras dengan definisi ini *mujaddid* atau ‘reformist’ itu merujuk kepada orang yang membawa pembaharuan tersebut.

Artikel ini membicarakan secara umum *tajdid* kontemporari dengan memilih Yusuf al-

Qaradawi sebagai tokoh *mujaddid* abad ini. Al-Suyuti dan Al-Azimabadi merupakan dua ulama yang secara khusus membicarakan konsep *tajdid* dan *Mujaddid* di mana mereka telah mengenalpasti *mujaddid* di beberapa kurun. Perlu diingat bahawa seorang *mujaddid* hanyalah seorang ‘reformist’ dan tiada *mujaddid* yang sempurna atau maksum bahkan tiada kesepakatan ulama untuk mengiktiraf seseorang *mujaddid* melainkan Khalifah Umar Abdul Aziz. Perlu juga diingat bahawa *hadith* mengenai *mujaddid* tidak bermaksud bahawa kita hanya perlu menunggu kemunculan *mujaddid* pada setiap abad. Maksud yang lebih dinamik dan tersirat ialah hadith ini ingin mengingatkan bahawa perlunya ada usaha-usaha ke arah melahirkan *mujaddid* pada setiap zaman. Dalam erti kata lain penulis ingin mengetengahkan pemahaman yang lebih segar mengenai konsep *tajdid* ini iaitu ‘*Tajdid as a notion*’. ‘*Tajdid as a notion*’ ini memerlukan umat Islam untuk secara kolektif memikirkan program dan pendekatan yang berkesan untuk melahirkan para *mujaddid* ini.

Al-Suyuti (1937) meletakkan beberapa ciri dan kelayakan seseorang *mujaddid* berdasarkan hadith tersebut di atas iaitu: (a) *mujaddid* mestilah seorang individu; (b) *mujaddid* mestilah hidup di permulaan kurun; (c) mestilah menguasai *Shari’ah* dan ilmu; dan (d) diiktiraf keilmuan oleh masyarakat. Ciri-ciri *mujaddid* oleh al-Suyuti adalah berdasarkan maksud zahir hadith. Namun demikian, al-Azimabadi, Ibn Hajar dan al-Minawi termasuk ulama kontemporari telah bersetuju bahawa *mujaddid* bukan sahaja hanya boleh merujuk kepada individu bahkan ia boleh juga dalam bentuk institusi atau sekumpulan individu. Mereka juga berpandangan bahawa *mujaddid* tidak semestinya muncul di awal kurun sepertimana teori al-Suyuti tetapi boleh sahaja di awal, pertengahan atau akhir kurun seperti al-Juwayni seorang *mujaddid* yang hidup di pertengahan dan pengakhiran kurun kelima hijrah.

Mujaddid tidak semestinya seorang untuk setiap abad. Dalam setiap 100 tahun berkemungkinan

akan terdapat lebih daripada seorang *mujaddid*. *Mujaddid* juga bukan hanya merujuk kepada *tajdid* dalam aspek undang-undang Islam atau *fiqh* bahkan ia merangkumi apa-apa *tajdid* yang berkaitan dengan Islam. Di antara *mujaddid* kontemporari abad ke-20 yang diiktiraf oleh ulama ialah Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad Abduh dan Rashid Rida yang mempelopori gagasan pembaharuan modenisme Islam, Hassan al-Banna melalui gerakan *al-Ikhwān al-Muslimun*, Abul A'la al-Mawdudi dengan *Jamaat Islami* dan Bediuzzaman Said Nursi dengan *Risalat al-Nur*. Sejarah juga menunjukkan bahawa *tajdid* diperlukan untuk memperbaharui ajaran Islam dalam pelbagai aspek. *Tajdid* dalam *siyasah* dipelopori oleh *mujaddid* Khalifah Umar Abdul Aziz, *tajdid* dalam *ijtihad* dan *usul al-fiqh* oleh Imam Shafi'i, *tajdid* berkaitan *tawhid* oleh Imam Abu Hasan al-Ash'ari, *tajdid* dalam metod tafsir Al-Quran oleh Imam Fakhr al-Razi, *tajdid* berkaitan *tawhid*, *fiqh* dan tasawuf oleh Imam al-Ghazali. Bagi abad ke-15H (21M) penulis berpandangan bahawa Yusuf al-Qaradawi adalah *mujaddid* kontemporari dalam *ijtihad* berdasarkan sumbangan dan pemikirannya yang sangat signifikan dan besar kepada umat Islam seluruh dunia.

Hasil dan Perbincangan

Pemikiran Yusuf Al-Qaradawi

Fazlur Rahman seorang pemikir yang mempelopori gagasan pembaharuan neo-modernisme Islam, berpandangan bahawa seorang pemikir hebat ialah mereka yang mempunyai ciri-ciri berikut:- (a) Menemukan suatu gagasan utama atau prinsip dasar yang utama yang mengandungi segala realiti, lalu dia mentafsirkannya dengan jelas dan menjadikannya sesuatu yang baru dan penting; (b) Gagasan pokok itu seterusnya mampu merubah perspektif kita dalam berinteraksi dengan realiti tersebut; dan (c) Mampu mengemukakan suatu penyelesaian yang baru dan jitu terhadap segala permasalahan yang setelah lama mengganggu fikiran manusia (Rahman, 1975).

Berdasarkan kepada ciri-ciri pemikir hebat oleh Fazlur Rahman, sudah pastinya Yusuf al-Qaradawi telah memenuhi setiap kriteria tersebut. Beliau bukan sahaja mengenalpasti prinsip dasar dengan segala realiti bahkan telah mentafsirkan, memperjelaskan dan menerangkannya dalam bentuk yang lebih segar untuk manfaat semua. Gagasan Yusuf al-Qaradawi seperti konsep *wasatiyyah*, *maqasid al-Shari'ah*, *fiqh al-awlawiyyat* dan sebagainya berserta dengan anjuran pendekatan yang berhikmah secara jelas telah merubah perspektif ramai dan mampu untuk menyelesaikan permasalahan masyarakat dan umat.

Terdapat dua kaedah untuk mengembangkan sesuatu idea atau pemikiran seseorang iaitu (a) Pemikiran yang dikembangkan melalui agenda tertentu melalui sokongan pihak tertentu dan bantuan dana dari organisasi termasuk mana-mana institusi atau jentera kerajaan; (b) Pemikiran yang berkembang secara semulajadi dengan tiada bantuan dan sokongan pihak tertentu melainkan keikhlasan dan kekuatan kualiti pemikiran.

Metod Pengembangan Pemikiran yang pertama kebiasaannya adalah tidak '*genuine*' (asli) atau mempunyai kelemahannya tersendiri. Kebiasaannya pemikiran yang cuba dipromosikan melalui metod ini adalah pemikiran yang kurang kekuatannya dari sudut intelek dan lemah kandungan serta ruang lingkup idea. Peruntukan kewangan yang besar diperlukan untuk mengembangkan pemikiran sebegini dan kadang kala melibatkan paksa rela institusi kerajaan dan entiti tertentu termasuk pihak ketiga untuk pembiayaan dan penggunaan prasarana tertentu.

Pemikiran pemikir yang tergolong dalam golongan kedua ini memerlukan masa yang agak lama dan menghadapi pelbagai cabaran sebelum kesan dan pengaruhnya dapat dirasai oleh umat atau masyarakat.

Pemikiran sebegini kebiasaannya adalah pemikiran yang '*genuine*' dan jujur serta

akan lebih dekat di hati masyarakat. Metod pengembangan pemikiran sebegini tidak memerlukan peruntukan tertentu, tiada paksaan, tiada arahan dan beroperasi secara semula jadi. Pemikiran Yusuf al-Qaradawi dikembangkan melalui metod kedua ini. Pemikiran dan kerangka idea beliau meresap ke lubuk hati masyarakat secara semulajadi melalui karya dan usaha dakwah yang berterusan. Khazanah ilmu yang dihasilkan melalui penulisan, syarahan dan sebagainya menjadi rujukan dan panduan masyarakat dan umat.

Sumbangan Pemikiran Yusuf Al-Qaradawi

Pemikiran Yusuf al-Qaradawi mempunyai pengaruh yang sangat signifikan di seluruh dunia. Pemikiran yang dinamik dan bersesuaian dengan keadaan dan suasana semasa menjadikan beliau sering menjadi rujukan dan panduan oleh umat Islam. Di antara sumbangan besar Yusuf al-Qaradawi ialah memperkenalkan pendekatan dinamik untuk memahami *Shari'ah* melalui beberapa konsep *fiqh* dan *manhaj* yang beliau anjurkan dan ini termasuk *fiqh al-Nusus*, *fiqh al-waqi'*, *fiqh al-muwazanat*, *fiqh al-awlawiyyat*, *fiqh al-taghayyur*, *fiqh al-Jihad*, *fiqh al-thaurah*, *fiqh al-iqtisadi al-Islami*, *fiqh al-aqalliyyat*, *fiqh al-wasatiyyah*, *fiqh al-dakwah* dan *manhaj al-salafi*.

Penulis mengakui bahawa istilah-istilah di atas dibiasakan melalui pembacaan karya-karya Yusuf al-Qaradawi. Boleh dikatakan hampir tidak sempurna mempelajari *fiqh* kontemporari sekiranya tidak merujuk dan membaca buku-buku beliau. Walaupun konsep *fiqh* dan *manhaj* ini bukanlah sesuatu yang baru dan asing dalam Islam, namun Yusuf al-Qaradawi telah memberikan nafas baru dan dalam bentuk yang lebih segar untuk sesiapa memahami Islam dengan lebih mendalam dan berkesan. Penulis tidak bermaksud untuk membincangkan secara terperinci konsep *fiqh* dan *manhaj* Yusuf al-Qaradawi di dalam ruang yang terhad ini tetapi secara umum akan cuba memperlihatkan kerangka, ruang lingkup, gelombang, bentuk, pendekatan, idea dan aspirasi beliau bagi

membentuk kefahaman Islam yang sebenarnya.

Fiqh al-Maqasid (Objektif Shari'ah)

Yusuf al-Qaradawi merujuk maqasid *al-Shari'ah* sebagai hikmah-hikmah yang menjadi tujuan ditetapkan hukum yang disyariatkan oleh Allah untuk manusia (Al-Qaradawi, 2006). Sebagai kesinambungan daripada usaha fuqaha' terdahulu seperti al-Ghazali, al-Shatibi dan Ibn Ashur, beliau telah menulis beberapa buku mengenai *maqasid al-Shari'ah*. Di antaranya ialah *Dirasat fi Fiqh Maqasid al-Shari'ah*. Dalam karya ini, beliau memberi penekanan dan perhatian kepada nilai sosial, keadilan, ukhuwwah, kebebasan dan maruah. Beliau secara terperinci membincang konsep maruah dan karamat al-insaniyyah serta mengaplikasikannya dengan prinsip *maqasid al-Shari'ah*.

Pemikiran Yusuf al-Qaradawi terhadap konsep *maqasid al-Shari'ah* juga boleh dilihat pada karyanya berjudul *Al-Siyasah al-Shari'iyah fi Daw' Nusus al-Shari'a wa Maqasidi-ha'*. Beliau membicarakan konsep *maqasid al-Shari'ah* dan hubungkait serta aplikasinya dengan prinsip Siyasa al-Shari'iyah. Di antara keunikan *fiqh maqasid* yang dibawa oleh beliau ialah penekanan terhadap aspek keadilan, persamaan, memudahkan dan meringankan, *masalah* berbanding mafsadah dan kesatuan dan kesepakatan. Ini merupakan kekuatan pemikiran beliau yang mengharmonikan antara prinsip Islam dengan realiti kehidupan.

Fiqh al-Nusus (Nas Syarak)

Al-Siyasah al-Shari'iyah fi Daw' Nusus al-Shari'a wa Maqasidi-ha' merupakan karya Yusuf al-Qaradawi yang menerangkan secara khusus mengenai keperluan untuk memahami nas syarak. Ini merupakan antara syarat dan kriteria utama bagi seseorang yang berautoriti untuk mengeluarkan sebarang hukum. Bagi memahami nusus secara berkesan beliau menyarankan untuk memahaminya secara literal dan keseluruhan konteks ayat. Pemahaman ayat secara berasingan dan tidak lengkap hanya akan

membawa kepada pentafsiran yang longgar dan lemah. Beliau juga menekankan untuk memahami nusus melalui kefahaman yang mendalam pada konsep *masalahah* dan *maqasid*. Beliau berpandangan adalah amat penting untuk membezakan antara ibadah dan *muamalat* di mana dalam aspek *muamalat* aplikasi *maqasid* mesti diberikan perhatian yang sewajarnya.

Fiqh al-Waqi' (Realiti)

Dalam banyak karya beliau, Yusuf al-Qaradawi sentiasa menekankan betapa pentingnya untuk menguasai *fiqh al-waqi'* atau realiti dan keadaan semasa. Beliau sentiasa menganjurkan untuk memastikan kefahaman terhadap realiti semasa bahkan sesuatu hukum juga boleh berubah berdasarkan perubahan masa, tempat, keadaan dan amalan setempat. Sebagai contoh beliau membolehkan hukum untuk menghadkan pemerintahan Presiden kepada hanya dua penggal. Walaupun ada ulama yang berpendapat bahawa *fatwa* yang membenarkan peraturan sebegini adalah *bidaah* dan bertentangan dengan hukum syarak, Yusuf al-Qaradawi telah menjawab pandangan sebegini dan secara tegas berpendirian untuk mengharuskan peraturan tersebut bersesuaian dengan keadaan semasa dan juga menepati *maqasid al-Shari'ah*. Menghadkan kuasa pemimpin kepada tempoh tertentu boleh mengelakkan potensi salah guna kuasa, rasuah dan kronisme yang boleh membawa mudarat kepada masyarakat.

Fiqh al-Muwazanat (Pertimbangan)

Fiqh al-Muwazanat merujuk kepada kefahaman dan keupayaan untuk menyeimbangkan antara *masalahah* dan *mafsadah* sesuatu perkara ketika berlakunya kontradiksi antara keduanya. Ianya amat penting terutamanya dalam aspek hukum. Yusuf al-Qaradawi telah menyusun kaedah *fiqh al-muwazanat* ini secara sistematik di dalam buku-bukunya antaranya ialah *Al-Siyasah al-Syar'iyah fi Daw' Nusus al-Shari'ah wa Maqasidi-ha*. Beliau telah meletakkan beberapa syarat untuk menguasai *fiqh al-muwazanat* dan ini termasuklah menguasai ilmu *maqasid*

al-Shari'ah, pengetahuan mendalam ilmu *masalahah* dan *mafsadah*, memahami keadaan semasa dan aspek khusus berkaitan dengan sesuatu permasalahan.

Antara contoh pendekatan *fiqh al-muwazanat* ini ialah pandangan beliau terhadap *fatwa* yang memutuskan memilih Ayub Khan sebagai pemimpin Pakistan adalah lebih baik dari Fatimah Jinnah berdasarkan faktor wanita. Yusuf al-Qaradawi telah mengkritik pandangan ini dan secara tegas berpendirian memilih pemimpin yang lebih adil adalah faktor yang lebih utama walaupun ia melibatkan seorang wanita (Al-Qaradawi, 1998). Bersandarkan kepada *fiqh al-muwazanat* ini iaitu menyeimbangkan antara *masalahah* dan *mafsadah*, beliau dengan tegas berpandangan bahawa pemimpin wanita yang adil adalah lebih baik berbanding pemimpin lelaki yang zalim.

Fiqh al-Taghayyur (Perubahan)

Yusuf al-Qaradawi menyentuh aspek *fiqh al-taghayyur* ini di dalam bukunya '*Al-Siyasah al-Syar'iyah fi Daw' Nusus al-Shari'ah wa Maqasidi-ha*' dan '*Shari'at al-Islam: Khuludha wa Salahiyatu-ha li al-Tatbiq fi kull Zaman wa Makan*'. *Fiqh al-taghayyur* ini merujuk kepada kefahaman atau keupayaan untuk mempertimbangkan sesuatu berdasarkan perubahan masa, tempat, adat atau *urf* dan keadaan. Menguasai *fiqh al-taghayyur* adalah penting dalam memastikan sesuatu keputusan atau hukum itu benar-benar menepati syarak dan dalam masa yang sama tidak menyusahkan atau memberi kesulitan.

Yusuf al-Qaradawi menyarankan untuk meninjau semula beberapa pandangan ulama terdahulu kerana ianya kemungkinan sesuai pada zaman tertentu. Perubahan kepada sebarang hukum ini mestilah berdasarkan perubahan kepada *masalahah*, '*urf*' dan tempat (Al-Qaradawi, 1998). Beliau memberikan contoh kepada peraturan yang ditetapkan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz untuk membezakan ahl al-dhimmah melalui perbezaan pakaian pada waktu itu.

Peraturan dan pandangan ini sudah pasti tidak sesuai lagi untuk diamalkan pada waktu ini.

Fiqh al-Awlawiyyat (Keutamaan)

Yusuf al-Qaradawi di dalam bukunya '*Fi fiqh al-awlawiyyat: Dirasah jadidah fi daw' Al-Quran waal-Sunnah*' merujuk *fiqh al-Awlawiyyat* sebagai 'kefahaman untuk menetapkan sesuatu pada martabatnya, tidak mengkemudiankan apa yang perlu didahulukan atau mendahulukan apa yang berhak dikemudiankan, tidak mengecilkan perkara yang besar atau membesarkan perkara yang kecil' (Al-Qaradawi, 2001a). Ilmu memahami keutamaan ini adalah sangat penting bukan sahaja kepada *fuqaha* atau ulama ianya juga penting kepada setiap individu dan institusi termasuk kerajaan. Dalam konteks individu, *fiqh al-awlawiyyat* boleh dijadikan panduan untuk membuat sesuatu keputusan. Bagi institusi atau kerajaan, *fiqh al-awlawiyyat* perlu dijadikan asas kepada sebarang keputusan dan dasar serta polisi sesebuah negara dan institusi.

Walaupun ilmu *fiqh al-awlawiyyat* ini bukanlah suatu perkara yang asing dalam Islam dan telah dibincangkan oleh *fuqaha* terdahulu, tetapi Yusuf al-Qaradawi telah menyusun ilmu ini secara teratur dan sistematik malahan memudahkan masyarakat untuk memahaminya. Beliau juga memberikan contoh dan membahagikan *awlawiyyat* itu kepada beberapa bidang di antaranya ialah *fardu kifayah* dalam bidang ilmu, bidang *hisbah* dan *bidang tasyri*, bidang dakwah dan tarbiyah. Kefahaman yang dijana melalui pemikiran Yusuf al-Qaradawi ini adalah sangat penting kepada segenap lapisan masyarakat termasuk individu, institusi atau sebuah kerajaan.

Fiqh al-Jihad

Rashid Gannoushi, pemikir berasal dari Tunisia di dalam artikelnya bertajuk '*What is New about Al Qaradawi's Fiqh of Jihad?*' mengakui betapa pentingnya karya Yusuf al-Qaradawi yang bertajuk '*Fiqh al-Jihad*' (Gannoushi, 2010). Beliau menganggap karya ini sebagai sebuah

ensiklopedia jihad yang sepatutnya dimiliki dan difahami oleh semua. *Fiqh al-Jihad* ini memberi kefahaman yang lebih mendalam terhadap konsep jihad, konsep keamanan, objektif jihad, pembahagian dan bentuk jihad dan akhlak serta etika *jihad* (Al-Qaradawi, 2009a).

Bertentangan dengan persepsi dunia barat yang melabel Yusuf al-Qaradawi sebagai keras, penganas, ekstremis dan sebagainya, beliau sebenarnya adalah seorang insan yang cintakan keamanan. Ini dapat dilihat melalui fatwanya terhadap peristiwa serangan terhadap '*World Trade Centre*' di Amerika Syarikat. Beliau dengan tegas mengharamkan perbuatan merampas pesawat awam dengan menjadikannya sebagai alat untuk memerangi orang lain. Pandangan beliau ini adalah sangat jelas berdasarkan prinsip Islam mengharamkan permusuhan yang mencabuli hak-hak kehidupan. Islam menjamin kehormatan dan kebebasan manusia dan Islam sama sekali tidak menerima konsep matlamat menghalalkan cara.

Fiqh al-Thaurah (Revolusi)

Dengan memperkenalkan istilah *fiqh* revolusi atau '*Fiqh al-Thaurah*', Yusuf al-Qaradawi sekali lagi mencetuskan persoalan dan kefahaman yang sangat penting untuk dimiliki oleh setiap umat Islam. Bersandarkan kepada terdapatnya *fatwa-fatwa* yang menyebelahi pihak yang zalim, pandangan-pandangan yang menolak kebangkitan rakyat, kenyataan yang masih mendokong rejim yang tidak adil termasuk beberapa institusi fatwa yang terang-terangan menyokong kemungkaran, Yusuf al-Qaradawi di dalam buku '*Thaurah Sha'ab*' terus menyuarakan pandangannya yang menyebelahi rakyat dan keadilan. Beliau telah menyanggah pandangan sedemikian secara ilmiah dengan tuntasnya. Hinggakan pandangan-pandangan atau *fatwa-fatwa* yang menyimpang ini tidak dapat menghindarkan lagi kebangkitan rakyat menolak kemungkaran dan ketidakadilan.

Antara elemen *fiqh* revolusi yang dibicarakan

secara mendalam oleh Yusuf al-Qaradawi ialah keharusan untuk berdemonstrasi dan protes secara aman. Walaupun telah ada *fatwa* yang melarang rakyat untuk berdemonstrasi berdasarkan hujah *bidaah*, perbuatan yang terkeluar dari kaedah Islam, *sadd al-zara'i* dan lain-lain. Amat menarik pandangan Yusuf al-Qaradawi apabila beliau secara santai menjawab tohmahan ini dan menolak pandangan sedemikian. Dengan menggunakan kaedah *masalih al-mursalah*, perantaraan mempunyai hukum yang sama dengan tujuan, *sadd al-zara'i* dan dalil daripada *al-Sunnah*, Yusuf al-Qaradawi secara tuntasnya menyimpulkan bahawa demonstrasi jalanan dan protes secara aman adalah harus. Bahkan adalah berdosa besar kepada pihak berkuasa yang mencederakan pendemonstrasi ini dan beliau memberi amaran yang sangat keras kepada penzalim-penzalim ini.

Fiqh al-Iqtisad al-Islami (Ekonomi Islam)

Yusuf al-Qaradawi juga menguasai ilmu *fiqh* ekonomi Islam. Bukunya '*Fiqh al-Zakat*' yang merupakan tesis Ph.D beliau disiapkan pada 1973 merupakan ensiklopedia zakat yang sangat lengkap dan dianggap terbaik di zamannya. Sehingga kini, *fiqh al-zakat* ini dijadikan rujukan utama dalam aspek zakat di seluruh dunia. Sumbangan beliau terhadap kefahaman kewajipan zakat telah memberikan impak yang amat besar kepada pembangunan ekonomi umat Islam.

Di dalam bukunya '*Daur al-Qima wa al-Akhlaq fi al-Iqtisadi al-Islami*', beliau membicarakan aspek nilai dan etika dalam melaksanakan ekonomi Islam. Berbanding dengan sebahagian besar *fuqah'a* kontemporari yang lain, beliau mengambil pendekatan yang lebih holistik dalam membicarakan aspek ekonomi Islam. Beliau mengetengahkan perbincangan dari sudut nilai dan akhlak dalam bidang penggunaan, urusniaga, pengedaran dan peranan negara dalam menguatkuasakan nilai dan akhlak ekonomi Islam (Al-Qaradawi, 2010a). Komitmen beliau bukan sahaja dalam bentuk

sumbangan idea dan pemikiran bahkan terlibat secara langsung menubuh dan mengembangkan ekonomi Islam. Dilaporkan bahawa Yusuf al-Qaradawi sendiri meyakinkan pemilik modal dan pelabur untuk melabur dalam kewangan Islam. Bahkan beliau bersama-sama sarjana yang lain seperti Abd Allah Mahmud dan Abd Allah al-Ansari telah menghubungi dan mengusahakan inisiatif ekonomi Islam termasuk memberikan sumbangan mereka sendiri untuk menubuhkan Bank Islam Qatar.

Fiqh al-Daulah (Kenegaraan)

Kefahaman bernegara merupakan antara permasalahan yang membelenggu masyarakat dan umat Islam terutamanya untuk sekian lama. Bagi membantu umat mempunyai kefahaman yang tepat mengenai aspek kenegaraan dari perspektif Islam, Yusuf al-Qaradawi telah menghasilkan buku berjudul '*Min Fiqh al-Daulah*' yang membicarakan secara terperinci perspektif *Shari'ah* mengenai ilmu kenegaraan. Dengan gaya penulisan yang mudah dan menarik, beliau membincangkan beberapa aspek kenegaraan. Antara aspek yang dibincangkan ialah kewujudan politik di dalam Islam, cabaran pemisahan Islam dan politik, perbincangan tentang *Daulah* Islam, konsep asas pemerintahan Islam, hak wanita sebagai pemimpin dan ahli politik, hak bukan Islam di dalam pemerintahan Islam, demokrasi dalam Islam, sikap Islam terhadap pilihanraya, demonstrasi dan Parlimen dan kepelbagaian jemaah. Kesemua aspek ini merupakan realiti yang dihadapi dan dilalui oleh umat Islam. Kefahaman kenegaraan terhadap semua aspek ini adalah sangat penting untuk memastikan keharmonian hidup bermasyarakat.

Fiqh al-Aqalliyyat (Minoriti)

Realiti semasa menunjukkan bahawa umat Islam terdapat di negara yang majoriti penduduknya adalah Muslim dan ada yang menetap di negara yang majoriti penduduknya adalah bukan Muslim. Oleh kerana wujudnya pelbagai sentimen dan salah faham yang agak

serius terhadap isu minoriti bukan Muslim dari perspektif Islam, Yusuf al-Qaradawi telah menghasilkan buku bertajuk '*Fi Fiqh al-Aqalliyat al-Muslimah*'. Karya yang signifikan ini boleh memberikan kefahaman yang baik dalam kehidupan bermasyarakat bersama bukan Muslim. Di dalam buku ini, beliau telah membicarakan beberapa aspek yang penting dalam *fiqh* minoriti ini di antaranya merujuk kepada aspek mengutamakan nilai-nilai toleran dan keterbukaan untuk berinteraksi dengan masyarakat lain dan konsep wasatiyyah serta peluang dakwah kepada bukan Muslim (Al-Qaradawi, 2001b).

Fiqh al-Wasatiyyah (Kesederhanaan)

Di antara gaya pendekatan dan pemikiran Yusuf al-Qaradawi ialah karya serta penguasaan ilmunya adalah hasil daripada gabungan khazanah *fiqh* tradisi dan *fiqh* kontemporari. Beliau juga tidak cenderung kepada hanya satu madhhab tanpa melihat madhhab yang lain. Yusuf al-Qaradawi di dalam kitabnya '*Manhaj Mu'asir li al-Fatwa*' menyebut bahawa "*membebaskan diri dari fanatik dan taklid merupakan suatu penghormatan.*" Melalui pendekatan ini juga beliau mempopularkan *fiqh al-wasatiyah* atau *fiqh kesederhanaan*.

Fiqh al-Wasatiyyah ini mengambil pendekatan yang seimbang dengan menggabungkan teks yang qati' dan maksud yang umum dan tidak berlebihan dalam memahami dan menolak teks tersebut. Pendekatan yang sederhana terhadap apa sahaja perkara terutamanya masalah hukum, adalah sangat bersesuaian dan mampu menyelesaikan pelbagai isu individu, masyarakat dan negara. Sebagai contoh, Yusuf al-Qaradawi berpandangan bahawa adalah harus untuk mengucapkan selamat hari Krismas kepada bukan Muslim dengan syarat tiada pengakuan atau reda terhadap agama mereka (Ghazali, 2012). Pendekatan yang lebih lembut, bertoleransi dan sederhana tanpa menggadaikan prinsip Islam ini sebenarnya akan mencerminkan keindahan Islam itu sendiri dan ianya sangat baik untuk dakwah dan tarbiyah.

Fiqh al-Da'wah

Sebagai seorang *mujtahid* dan *mujaddid* kontemporari, Yusuf al-Qaradawi mempunyai pengaruh yang amat luas dalam dakwah di seluruh dunia. Pemikiran serta pendekatan dakwah beliau seperti konsep wasatiyyah dan maqasid *al-Shari'ah* telah dijadikan rujukan utama malahan diambil sebagai orientasi gerakan dakwah di seluruh dunia termasuk Malaysia. Malahan terdapat banyak buku-buku beliau yang memberikan garis panduan dakwah secara komprehensif di antaranya ialah *Rabbaniyyin Laisa Ramadhaniyyin, Mudhakkirat al-Qaradawi, Risalah Ta'lim, Nafahat al-Juma'ah, Al-Din wa al-Siyasah: Taashilun wa Raddu Syubuhah dan Awlawiyaat al-Harakah al-Islamiyah fi l-Marhalah al-Qadimah* (Al-Qaradawi, 2009a; 2009b; 2010c; 2010d).

Secara umumnya, Yusuf al-Qaradawi memberi penekanan kepada pemeraksanaan ciri-ciri seorang pendakwah melalui pembinaan keimanan kepada Allah, Rasul dan Islam, pemantapan ilmu untuk mencapai tuntutan *fardu ain* dan memperluaskan pengetahuan dalam ilmu syarak. Yusuf al-Qaradawi juga amat menekankan penguasaan *Al-Quran*, hafalan, memahami *sirah al-nabawiyah*, menguasai ilmu *'aqidah*, berakhlak dan berbudi pekerti. Kesan dakwah beliau bukan sahaja terkesan kepada masyarakat malahan keluarga beliau juga keseluruhannya bergiat aktif dalam aktiviti dakwah. Abdul Rahman Yusuf, anak lelaki beliau yang dikenali sebagai 'Penyair Revolusi' merupakan seorang aktivis dakwah yang sangat aktif dan terlibat secara langsung dalam 'revolusi Tahrir' di Mesir (Al-Qaradawi, 2012).

Manhaj al-salafi

Di antara permasalahan yang melanda umat Islam ialah isu kefahaman kepada *manhaj al-salafi* sehinggakan ianya membawa kepada pertelingkahan. Yusuf al-Qaradawi secara berhikmah telah cuba untuk menyeimbangkan kefahaman ini. Di dalam bukunya '*Kayfa*

Nata'amal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah' dan 'al-Thaqafah al-'Arabiyyah al-Islamiyyah', (Al-Qaradawi, 2000) beliau menerangkan *manhaj al-salafi* yang sebenarnya dari kaca mata Islam. Beliau mentakrifkan *manhaj al-salafi* ini sebagai kerangka berfikir melalui pemahaman terhadap amalan generasi terbaik iaitu para sahabat. Yusuf al-Qaradawi sendiri mengakui bahawa seorang yang salafi dan sufi adalah lebih baik berbanding sufi atau salafi sahaja (Al-Saleh, 2010). Di antara kriteria *manhaj al-salafi* pada pandangan beliau ialah berpegang pada nas syarak dan bukan taqlid kepada tokoh tertentu, lebih menekankan penanaman keyakinan dalam aspek ibadah berbanding perdebatan dan dari sudut ibadah, lebih mementingkan ruh dan jiwa ibadah, bukan sekadar formalitinya.

Penginstitutionan Pemikiran Yusuf Al-Qaradawi

Mengkaji, menganalisa, menyelidik, memahami, mempelajari dan meingiktibari pemikiran Yusuf al-Qaradawi adalah suatu perkara yang sangat baik dan amat bermanfaat. Melalui pemikirannya yang dinamik, luas, praktikal, hujah yang kukuh, kesesuaian semasa dan keadaan dan pendekatan yang segar, umat Islam pasti akan dapat manfaatnya terutama dari aspek panduan untuk menjalani kehidupan seharian.

Namun begitu, penulis berpandangan bahawa keperluan untuk berbuat sesuatu lebih daripada sekadar mengkaji kerangka pemikiran Yusuf al-Qaradawi. Sebagai *mujaddid* kontemporari dan aset tidak ternilai umat Islam ini, penulis ingin membuat gagasan untuk menginstitutionkan pemikiran Yusuf al-Qaradawi. Jika di Malaysia, kita mempunyai Institut Pemikiran Tun Mahathir dan Institut Hadhari yang masing-masing ingin membawa idea mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Ahmad Badawi, mengapa tidak kita juga berusaha untuk menginstitutionkan pemikiran Yusuf al-Qaradawi.

Penginstitutionan pemikiran Yusuf al-Qaradawi ini boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk dan antaranya ialah (a) Menubuhkan Institusi

Pemikiran Yusuf al-Qaradawi; (b) Mewujudkan Kerusi Pemikiran Yusuf al-Qaradawi; (c) Inisiatif penyelidikan mengkaji secara menyeluruh pemikiran Yusuf al-Qaradawi; (d) Menubuhkan Yayasan Yusuf al-Qaradawi yang berfungsi sebagai institusi kebajikan dan mempunyai hubungan dengan yayasan yang diasaskan oleh beliau; (e) Mengadakan seminar, konferens, bengkel dan program-program untuk membincangkan pemikiran Yusuf al-Qaradawi; (f) Mewacanakan pemikiran dan pendekatan Yusuf al-Qaradawi melalui media massa; (g) Memodulkan pemikiran Yusuf al-Qaradawi yang sesuai dalam dasar dan polisi sama ada kerajaan, entiti swasta, badan-badan bukan kerajaan dan sebagainya; dan (h) Mewujudkan program khas untuk melahirkan lebih ramai Yusuf al-Qaradawi.

Di antara gagasan di atas, penulis merasakan keperluan yang sangat mendesak terutamanya dalam konteks Malaysia adalah untuk menyusun program atau strategi bagaimana untuk melahirkan lebih ramai *mujaddid* seperti Yusuf al-Qaradawi. Sepertimana yang difahami melalui konsep *tajdid* bahawa *mujaddid* tidak semestinya seorang bagi setiap abad tetapi boleh lebih daripada itu, program atau usaha untuk melahirkan *mujaddid* ini perlu dirancang secara sistematik dan berkesan. Kita tidak boleh hanya berbangga dengan kehebatan dan keilmuan beliau tetapi perlu memikirkan apakah program yang boleh dilaksanakan dan sesuai untuk melahirkan lebih ramai individu yang mempunyai ciri-ciri keilmuan, kegigihan, ketekunan, kehebatan dan kebijaksanaan Yusuf al-Qaradawi. Dengan itu, penulis menyarankan untuk kita bersama-sama memikirkan dan mengkaji bentuk program atau modul yang boleh dibangunkan bagi melahirkan ulama seperti Yusuf al-Qaradawi untuk generasi muda masa kini.

Dengan adanya seorang Yusuf al-Qaradawi, kita boleh menyaksikan sumbangan beliau yang sangat besar kepada dunia Islam. Bayangkan jika kita ada lebih ramai ulama seumpamanya, sudah pasti impak yang lebih besar akan dirasai

oleh seluruh umat Islam. Mungkin ada yang berpandangan bahawa harapan dan gagasan untuk melahirkan lebih ramai Yusuf al-Qaradawi ini adalah suatu yang 'ambitious' atau 'utopia' atau mustahil untuk dicapai. Pandangan sebegini sudah pasti tidak perlu diambil peduli dan wajib diabaikan secara mutlak. Penulis berkeyakinan bahawa dengan potensi dan kemampuan yang ada pada generasi muda masa kini, kita boleh memiliki bukan sahaja ulama setaraf Yusuf al-Qaradawi bahkan berkemungkinan melahirkan ulama seperti Imam al-Ghazali atau Imam al-Shafi'i.

Kesimpulan

Makalah ini secara umumnya membicarakan seorang tokoh yang sangat berjasa besar kepada dunia Islam, Yusuf al-Qaradawi. Sesuai dengan ketokohan dan sumbangan, penulis menganggap Yusuf al-Qaradawi sebagai *mujaddid* kontemporari yang tidak pernah mengenal penat dan lelah untuk berterusan membentuk pemikiran Islam secara menyeluruh dan holistik. Bagi menguatkan hujah mengiktiraf beliau sebagai *mujaddid* kontemporari, artikel ini secara ringkas membincangkan konsep *tajdid* serta kriteria-kriteria seorang *mujaddid*. Pencapaian, sumbangan, pemikiran, keilmuan, ketokohan, kegigihan, kebijaksanaan, bakat, kecemerlangan dan keistiqamahan beliau serta pengiktirafan di seluruh dunia secara jelasnya melayakkan Yusuf al-Qaradawi diiktiraf sebagai tokoh *mujaddid* abad ke-15H (ke-21M) ini. Pengaruh pemikiran Yusuf al-Qaradawi telah merebak ke seluruh dunia. Pengembangan pemikiran beliau berlaku secara semulajadi tanpa ada agenda dan pembiayaan pihak tertentu. Kekuatan pemikiran dan kesesuaian idea berdasarkan keilmuan dan bakat beliau, menjadikan pemikirannya sebagai panduan, rujukan dan fahaman dari segenap lapisan masyarakat sama ada individu, institusi, kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan serta gerakan dakwah. Sumbangan pemikiran beliau yang segar telah mengembalikan kefahaman Islam yang lebih menyeluruh dalam konteks dunia kontemporari. Kerangka *fiqh* dan *manhaj*

yang disegarkan semula oleh Yusuf al-Qaradawi melalui konsep *fiqh al-maqasid*, *fiqh al-Nusus*, *fiqh al-waqi'*, *fiqh al-muwazanat*, *fiqh al-awlawiyyat*, *fiqh al-taghayyur*, *fiqh al-Jihad*, *fiqh al-thaurah*, *fiqh al-iqtisadi al-Islami*, *fiqh al-daulah*, *fiqh al-aqalliyyat*, *fiqh al-wasatiyyah*, *fiqh al-da'wah* dan *manhaj al-salafi* telah memberi kita *tasawwur* yang lebih menyeluruh terhadap Islam. Walaupun konsep dan *manhaj* ini bukanlah sesuatu yang baru dalam Islam malah telah dibincangkan oleh *fuqaha* terdahulu tetapi beliau telah menyusun dan mengatur ilmu-ilmu ini dalam bentuk yang sistematik dan mudah untuk difahami. Tanggungjawab atau mas'uliah dalam menggerakkan kebangkitan umat terletak pada setiap individu Islam. Usaha mengembalikan kegemilangan Islam ini tidak akan mendapat natijahnya secara optimum melainkan ianya disertakan dengan kemampuan intelektual dan dilaksanakan secara kolektif. Bersandarkan kepada kekuatan pemikiran Yusuf al-Qaradawi serta keunikan pendekatannya yang sangat berhikmah, penulis telah membuat gagasan untuk menginstitusikan pemikiran beliau. Penginstitusian pemikiran Yusuf al-Qaradawi secara bebas tanpa terikat dan dikekang oleh pihak tertentu adalah sangat penting untuk mengangkat idea-idea beliau. Idea untuk menginstitusikan pemikiran Yusuf al-Qaradawi ini boleh dilakukan melalui penubuhan institusi pemikiran, pewujudan Kerusi Pemikiran, inisiatif penyelidikan, mewacana dan memodulkan pemikiran dan yang paling penting iaitu mewujudkan program khas untuk melahirkan lebih ramai Yusuf al-Qaradawi. Melihat perkembangan dan gelombang kebangkitan Islam di seluruh dunia seperti di Tunisia, Libya, Mesir, Syria, Yaman dan lain-lain negara, sesungguhnya kita sebagai individu Muslim mesti memastikan untuk dapat bersama-sama di dalam arus kebangkitan ini. Kita sewajibnya menyertai atau sekurang-kurangnya bersama-sama terlibat dalam gelombang kebangkitan ini. Dalam proses menuju ke arah mengembalikan kegemilangan Islam ini, sudah tentunya kita memerlukan panduan dan bekalan terutamanya dari aspek intelektual dan ilmu pengetahuan. Dalam hal ini,

kita beruntung kerana berpeluang untuk merujuk dan menikmati karya-karya penting Yusuf al-Qaradawi, seorang *mujaddid* kontemporari, ulama rakyat, ulama umat yang sentiasa konsisten mengangkat martabat umat dan ikhlas memperjuangkan Islam dan keadilan. Semoga Allah memanjangkan umur beliau dan sentiasa merahmati dan memberkati kehidupannya.

Rujukan

Abu Dawud, S. A. (1998). Sunan Abi Dawud. Dar ibn Hazm, Beirut, Lubnan.

Al-Mawdudi, A. A. (1975). Mu'jaz Tarikh Tajdid al-Din wa Ihya'ih. Mu'assasat al-Risāla, Beirut, Lubnan.

Al-Qaradawi, Y. (2012a). Thaurah Sha'ab. (Terjemahan). Maktabah Wahbah, Kaherah, Mesir.

Al-Qaradawi, Y. (2012b). Rabhaniyyin Laisa Ramadhaniyyin (Terjemahan). Blue-T Publication, Kuala Lumpur, Malaysia.

Al-Qaradawi, Y. (2011). Fiqh al-Zakah: A Comprehensive Study of Zakah Regulations and Philosophy in the Quran and Sunnah (Terjemahan). Islamic Book Trust, Kuala Lumpur, Malaysia.

Al-Qaradawi, Y. (2010a). Dur al-Qayyim wa al-akhlaq fi al-iqtisad al-Islami (Terjemahan). Blue-T Publication, Kuala Lumpur, Malaysia.

Al-Qaradawi, Y. (2010b). Mudhakkirat al-Qaradawi (Terjemahan). Mutiara Ilmu, Kuala Lumpur, Malaysia.

Al-Qaradawi, Y. (2010c). Risalah Ta'lim (Terjemahan). IKDAS, Kuala Lumpur, Malaysia

Al-Qaradawi, Y. (2010d). Nafahat al-Jumaah (Terjemahan). Blue-T Publication, Kuala Lumpur, Malaysia.

Al-Qaradawi, Y. (2009a). Fiqh al-Jihad.

Maktabat Wahba, Kaherah, Mesir.

Al-Qaradawi, Y. (2009b). Al Din wa al-Siyasah: Taashilun wa Raddu Syubuhah (Terjemahan). Alam Raya Entreprise, Kuala Lumpur, Malaysia.

Al-Qaradawi, Y. (2006). Dirasah fi fiqh Maqasid al-Shari'ah. Dar al Shuruq, Kaherah, Mesir.

Al-Qaradawi, Y. (2001a). Awlawiyyaat al-Harakah al-Islamiyah fi Marhalah al-Qodimah (terjemahan). Usamah Press, Kuala Lumpur, Malaysia.

Al-Qaradawi, Y. (2001b). Fi Fiqh al-Aqalliyyat al-Muslimah. Dar al Shuruq, Kaherah, Mesir.

Al-Qaradawi, Y. (2000). Kayfa nata 'amal ma'a al-sunnah: ma'alim wa thawabit. Dar al-Shuruq, Kaherah, Mesir.

Al-Qaradawi, Y. (1998). Al Siyasah al-Syar'iyah fi Daw' Nusus al-Shari'ah wa Maqasidi-ha. Maktabat Wahba, Kaherah, Mesir.

Al-Qaradawi, Y. (1996a). Min Fiqh al Daulah. Dar al Syuruq, Kaherah, Mesir.

Al-Qaradawi, Y. (1996b). Fi fiqh al-awlawiyat: Dirasah jadidah fi daw' al Qur'an wa al-Sunnah. Maktabat Wahba, Kaherah, Mesir.

Al-Qaradawi, Y. (1994). Al-Ijtihad al-mu'asir bayna al-indibat wa al-Infirah. Dar al-Tawzi wa 'l-Nashr al-Islamiyya, Kaherah, Mesir.

Al-Qaradawi, Y. (1992a). Al-Ijtihad fi al-shari'a al-Islamiyya ma'a nara tahliliyya fi al-ijtihadh al-mua'sir. Maktabat Wahba, Kaherah, Mesir.

Al-Qaradawi, Y. (1992b). Awlawiyyat al-Harakah al-Islamiyya- fi al- Marhalat al-Qadimah. Maktabat Wahba, Kaherah, Mesir.

Al-Qaradawi, Y. (1991). Al-Madkhal li-Dirasat al-Shari'ah. Maktabat Wahba, Kaherah, Mesir.

Al-Qaradawi, Y. (1985). Al-Fa'idah al-

- Bankiyyah hiya al-Riba al-Muharram. Maktabat Wahba, Kaherah, Mesir.
- Al-Qaradawi, Y. (1984). *Min fiqh al-dawla fi al-Islam*, Dar al-Shuruq, Kaherah, Mesir.
- Al-Saleh, H. (2010). A Conversation with Sheikh Yusuf al Qaradawi. Retrieved from <http://www.asharq-e.com/news.asp?section=3&id=23563>.
- Al-Suyuti, J. (1937). *Al Jami` al-Saghir*. Dar al Fikr. Beirut, Lubnan.
- Gannoushi, R. (2010). What is New about Al Qaradawi's Fiqh of Jihad? Retrieved from http://www.islamonline.net/servlet/Satellite?c=Article_C&cid=1252188303047&pagename=Zone-English-Living_Shariah%2FLSELayout.
- Ghazali, M. R. (2012). *Yusuf al Qaradawi dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat Islam di Malaysia*. USIM, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
- Jacoby, R. (2008). *Big Brains, Small Impact. The Chronical of Higher Education*. Retrieved from <http://chronicle.com/article/Big-Brains-Small-Impact/11624>. Retrieved on 6 June 2013.
- Ned, C., & Debjany, G. (2007). *The Legacy of the Public Intellectual*. Melbourne: Melbourne University Press, Australia.
- Nasrul Hisyam, N. M. (2004). *Pengaruh Pemikiran Yusuf al Qaradawi dalam pentadbiran Zakat di Negeri Selangor*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Muhammad Kamil, A. M. (2011). "Pemikiran Kerohanian Yusuf al Qaradawi: Analisis Siri Bukunya al-Tariq ila Allah." Tesis Ph.D, Universiti Malaya
- Rahman, F. (1975). *The Philosophy of Mulla Sadra*. SUNY Press, New York, USA.
- Salahuddin, S. (2007). *Al-Takwin al-Ilmi wa Al-Fikri li Qaradawi*. Multaqa al-Imam al-Qaradawi Ma'a al-Ashab wa Talamidh, Qatar, 14-16 Julai.
- Talimah, I. (2000). *Al-Qaradawi Faqihan*. Dar al-Tawji wa al-Nashr, Kaherah, Mesir.